



**TEKS UCAPAN
YB DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI TANAH NEGARA KE-3 TAHUN 2019
DAN PERSIDANGAN PENTADBIR TANAH KE-25**

EVERLY PUTRAJAYA

29 JULAI 2019

Salam Sejahtera, dan
Selamat Pagi

YANG BERHORMAT TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI,
Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli;

YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH BINTI PAWANTEH,
Ketua Setiausaha, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli ;

YANG BERUSAHA DR. MOHD MOKHTAR BIN TAHAR,
Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli)
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

YANG BERBAHAGIA DATO' AHMAD ZAHARIN BIN MOHD SAAD
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan;

Yang Berusaha Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan;

Yang Berbahagia Dato'-Dato' Pengarah Tanah dan Galian Negeri;

Pentadbir-Pentadbir Tanah

Ketua-Ketua Jabatan

Dato'-Dato', Datin-Datin, Ketua-ketua Jabatan, Dif-dif jemputan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

1. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) yang sudi menjemput saya bersama-sama dalam Sambutan Hari Tanah Negara pada kali ini. Saya difahamkan sambutan pada tahun ini akan turut melibatkan penganjuran Persidangan Pentadbir Tanah Malaysia ke-25 yang bertujuan untuk meraikan pegawai-pegawai di Pentadbiran Tanah dari seluruh Semenanjung Malaysia.
2. Sambutan Hari Tanah Negara ini juga merupakan bukti betapa sumbangan dan peranan pegawai-pegawai di Pentadbiran Tanah diiktiraf dan dihargai oleh Kerajaan. Penganjuran Persidangan Pentadbir Tanah Malaysia yang diadakan pada tahun ini dilihat mampu memberi pendedahan kepada warga pentadbiran tanah di negara ini akan perkembangan terkini dan cabaran yang bakal dihadapi di masa akan datang.

Hadirin sekalian,

3. Tema Hari Tanah Negara tahun ini adalah "**Pentadbiran Tanah Elektronik Pemangkin Pembangunan Negara**". Pemilihan tema ini adalah sangat bersesuaian dengan tuntutan era teknologi maklumat yang telah merubah cara kerja dan urusan harian kita.
4. Pentadbiran tanah negara telah dimodenisasikan dengan pengenalan sistem-sistem aplikasi *online* seperti Sistem e-Tanah, Sistem Pengurusan Tanah Persekutuan dan Pembahagian Pusaka (myeTaPP) dan Sistem Carian Bersepadu [*Single Window Search* (SWS)]. Ini telah membantu urusan tanah dilakukan dengan lebih

cepat dan mudah, dan berjaya mengurangkan karenah birokrasi berbanding apabila urusan dibuat secara manual.

5. Jelas sekali, inisiatif pentadbiran tanah elektronik ini telah berjaya meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan pentadbiran tanah di seluruh negara. Bahkan, pengenalan platform elektronik ini telah turut menyumbang ke arah pembangunan negara.

Hadirin sekalian,

6. Dalam kita melaksanakan proses modenisasi, pentadbiran tanah perlu peka dengan kemunculan teknologi terkini seperti *artificial intelligence*, *cloud computing* dan *blockchain*. Kemunculan gelombang teknologi baharu yang dikenali sebagai '*The Fourth Industrial Revolution*' iaitu Revolusi Perindustrian Keempat atau IR 4.0 bakal mengubah norma cara kerja pentadbiran tanah merentas sempadan geografi, dan menjadikannya lebih dinamik dan responsif kepada keperluan semasa.
7. Oleh itu, agensi-agensi Kerajaan termasuk JKPTG perlu peka dan bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pantas persekitaran teknologi yang terkini. Kita perlu sentiasa bekerjasama rapat bukan hanya dengan agensi sektor awam, malah turut melibatkan sektor swasta dan masyarakat awam.

Hadirin sekalian,

8. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga pentadbiran tanah atas beberapa siri kejayaan yang telah dicatatkan baru-baru ini seperti berikut:-

- (a) Pengiktirafan oleh Bank Dunia menerusi Laporan *World Bank: Ease of Doing Business* yang mana Malaysia menduduki tempat ke-15 daripada 190 negara ekonomi dan tangga ke-29 dalam pendaftaran harta tanah pada tahun 2019;
- (b) Anugerah “*Gold Award*” dalam ASEAN ICT Awards 2018 (AICTA) bagi kategori Sektor Awam di mana JKPTG telah mewakili Malaysia melalui projek e-Tanah; dan
- (c) Pengiktirafan oleh Bank Dunia pada tahun 2018 melalui penerbitan laporan “*Enhancing Public Sector Performance and Experience in Transforming Land Administration*”.

Kejayaan-kejayaan ini membuktikan usaha memodenkan pentadbiran tanah telah mendapat perhatian dunia.

Hadirin sekalian,

- 9. Dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui JKPTG sedang dalam kajian untuk meminda Akta Hakmilik Strata 1985 dan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Sasaran kajian adalah untuk:
 - (a) memudah cara pembangunan semula yang melibatkan skim pembangunan berstrata (*strata renewal*) bagi mengatasi masalah bangunan usang dan terbiar; dan
 - (b) memberi kemudahan kepada rakyat dalam urusan pusaka kecil dengan memendekkan tempoh masa penyelesaian dan memperkemaskan pengurusan harta pusaka.

10. Sistem e-Tanah akan diperluaskan ke 9 negeri-negeri Semenanjung Malaysia menjelang tahun 2021. Sehubungan itu, saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk menanggung kos pembangunan Sistem e-Tanah secara PFI.
11. Pihak Kementerian juga akan terus komited dalam sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri untuk memastikan pelaksanaan e-Tanah ini difahami dan diterima. Besarlah harapan saya agar sistem e-Tanah yang baharu ini dapat dilaksanakan dengan jayanya untuk pemodenan pentadbiran tanah khususnya dan kemudahan orang awam.

Hadirin sekalian,

12. Akhir kata, saya berharap agar majlis sambutan ini dapat meraikan kejayaan warga pengurusan dan pentadbiran tanah dalam mengharungi cabaran bagi memastikan perundangan pentadbiran tanah sentiasa relevan dan selari dengan arus perdana pembangunan negara. Dalam masa yang sama, persidangan ini hendaklah dijadikan platform untuk semua pentadbir tanah mengenali satu sama lain dengan lebih dekat lagi di samping memberi peluang bertukar fikiran untuk kemajuan pengurusan dan pentadbiran tanah negara.

Saya dengan ini, merasmikan Sambutan Hari Tanah Negara Ke-3 Tahun 2019 dan Persidangan Pentadbir Tanah Malaysia Ke-25.

Sekian, terima kasih.